



ANGGOTA PGA memeriksa kotak mengandungi telur penyu dipercayai cuba diseludup keluar oleh suspek ke negara jiran melalui ICQS Merapok, Lawas.

Gagal seludup 11,700 telur penyu

H/M
7/6/2022
ms, 18

Limbang: Cubaan dua lelaki tempatan menyeludup keluar 11,700 telur penyu ke negara jiran gagal apabila mereka ditahan ketika melalui Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Merapok, Lawas.

Komander Briged Sarawak Pasukan Gerakan Am (PGA) Senior Asisten Komisioner Che Ghazali Che Awang berkata, tangkapan dilakukan sepasukan Kompeni C Batalion 12 PGA, Limbang yang bertugas di Kompleks ICQS Merapok, jam 10 pagi, Sabtu lalu.


"Pemeriksaan ke atas sebuah pikap digunakan kedua-dua suspek berusia 31

dan 37 tahun menjumpai 13 kotak mengandungi 11,700 telur penyu.

"Semua telur penyu berkenaan dipercayai untuk dipasarkan ke negara jiran," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, jumlah rampasan dianggarkan RM109,250 termasuk pikap bernilai RM80,000.

Katanya, tangkapan dan rampasan diserahkan kepada Perbadanan Perhutinan Sarawak Bahagian Lawas untuk tindakan dan siasatan lanjut mengikut Seksyen 29 (1) Ordinan Perlindungan Hidupan Liar Sarawak 1998.



TELUR penyu yang dirampas.